

14/05/1998

G15 perlu tunai perakuan

Mior Kamarul Shahid

JIKA perakuan pada sidang kali ini tidak disusuli dengan tindakan, kemungkinan kegawatan ekonomi yang melanda Asia Timur merebak ke benua lain sama ada di negara anggota G15 yang meliputi negara dari benua Asia, Amerika Latin dan Afrika atau menular di Eropah dan negara maju lain.

Jika G15 gagal menyedarkan kuasa besar mengenai perlunya peraturan urus niaga mata wang yang lebih telus, bermakna mereka membenarkan potensi merebaknya kegawatan ekonomi, sesuatu yang tidak dapat dielakkan.

Begitu juga jika mereka mengulangi isu yang sama tahun depan dan masih membenarkan kuasa pasaran menentukan urus niaga mata wang, bermakna mereka hanya faham erti bahaya tetapi tidak berdaya menghindarinya. Walaupun wujud pesefahaman mengenai erti krisis, tetapi cara mengatasi krisis secara bersama masih belum jelas.

Hari ini, negara yang menghadapi masalah terpaksa menyelesaikan urusan mereka bersendirian sedangkan sepatutnya negara anggota boleh memainkan peranan masing-masing. Mereka tidak perlu memberi derma tetapi berusaha meningkatkan pelaburan dan perdagangan yang hasilnya akan memberi faedah bersama.

Ini sebenarnya adalah penegasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bukan saja di G15 tetapi juga di setiap pentas antarabangsa atau serantau.

G15 dianggotai 17 negara iaitu Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Mesir, India, Indonesia, Jamaica, Kenya, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela dan Zimbabwe. Kenya diterima menganggotai G15 pada sidang kemuncak ketujuh di Kuala Lumpur tahun lalu. Pada sidang kemuncak di Kaherah ini, Sri Lanka pula diterima menganggotai kumpulan kerjasama Selatan-Selatan itu.

Melihat kepada komposisi negara anggota yang mempunyai kekuatan dan kelemahannya, dirasakan banyak perkara boleh dilakukan. Setiap negara juga mempunyai pengaruh tersendiri untuk menyedarkan masyarakat antarabangsa berhubung masalah ekonomi yang mungkin dihadapi dunia hari ini terutama di negara membangun yang kaya hasil negaranya tetapi masih dibolot oleh kuasa besar kesan globalisasi dan liberalisasi yang tidak seimbang.

Setidak-tidaknya, di Jamaica nanti, G15 mampu menilai semula prestasi ekonomi lebih positif berikutan tindakan bersama yang dilakukan selepas sidang kemuncak di Kaherah.

Seandainya, penyakit akibat pasaran wang di Asia Timur tidak dirawati, sidang di Jamaica hanya mengulangi pendirian yang sama atau tidak mustahil ia menjadi lebih panas kerana ketika itu kegawatan ekonomi mungkin sudah menyerang Amerika Latin, Afrika dan segenap ceruk rantau lain. Dalam tempoh setahun, ia boleh melumpuhkan ekonomi sesebuah negara meskipun dibina hasil kerja kuat selama beratus tahun.

Pada sidang di Kaherah kali ini, Malaysia dan Indonesia boleh dianggap sebagai guru kerana kedua-dua negara itu sudah mengalami kesan daripada percaturan dan peraturan urus niaga pasaran mata wang yang lemah dan ditentukan oleh spekulator yang mengaut untung untuk kepentingan diri sendiri.

Malaysia mengalami keadaan agak parah kerana ketika ia muncul sebagai negara yang begitu kukuh dari segi ekonomi dan mula mencipta nama sebagai negara maju, tiba-tiba menghadapi tekanan yang menyebabkan kedudukan ringgit, menjunam. Tanda-tanda untuk pulih begitu sukar kerana tekanan demi tekanan terpaksa dihadapi disebabkan kuasa pasaran dibenarkan membuat

keputusan. Di Indonesia, keadaannya lebih parah kerana ia sudah sampai ke peringkat menggugat kestabilan politik.

Dalam G15, Malaysia dan Indonesia juga dianggap sebagai rakan kongsi yang sakit akibat perbuatan orang lain. Jika penderitaan yang dihadapi dua negara itu tidak mendapat simpati dan diubati bersama, penyakit itu akan menular tanpa sempadan. Jika selama ini kita menganggap pengaliran maklumat saja tidak bersempadan, dalam isu kegawatan ekonomi kesannya kita anggap lebih besar lagi. Dalam tempoh yang singkat, ekonomi sesebuah negara boleh lumpuh, apatah lagi jika negara itu berpotensi untuk dijajah semula.

Jika semua negara menjadi miskin, mereka tidak boleh lagi bergantung sesama sendiri. Peluang terakhir ialah mendapatkan bantuan daripada institusi kewangan antarabangsa sama ada Bank Dunia atau Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF). Dengan syarat yang membebankan, kemungkinan hutang tidak dapat dibayar akibat nilai wang yang bertambah kecil dan akhirnya kuasa besar menyelina masuk ke negara mereka tanpa kawalan.

Ketika itu, segala usaha yang dilaksanakan untuk memajukan negara dan taraf hidup rakyat, dikuasai oleh orang luar. Inilah penjajahan ekonomi yang paling ditakuti hari ini.

Daripada suasana persidangan, memang ada unsur kebimbangan di kalangan negara anggota G15 mengenai implikasi tekanan pasaran kewangan tetapi jika mereka masih mahu membiarkan urusan niaga mata wang bebas tanpa peraturan yang telus, tidak mustahil keperitan di Asia menjadi milik bersama.

Sebagaimana diakui oleh pemimpin G15, kegawatan isu mata wang di Asia Timur dan Asia Tenggara bukanlah masalah terpinggir. Ia pernah berlaku di negara maju dan membangun yang memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi, masalah pengangguran dan arus pembangunan terencat.

Jika asas penubuhan G15 pada 1989 untuk menggunakan potensi bersama negara membangun, inilah masanya menunjukkan ikatan kukuh itu. Mereka boleh menggunakan potensi pelaburan, perdagangan dan teknologi untuk membendung sebarang kesan percaturan kuasa besar. Hanya menerusi hubungan perdagangan yang padu, kerjasama Selatan-Selatan menjadi lebih bermakna, bukan sekadar menunjukkan minat untuk berbincang dan bertukar fikiran setahun sekali.

Pengorbanan Presiden Suharto yang terpaksa meninggalkan negaranya yang sedang berkecamuk untuk menghadiri sidang kemuncak G15 seharusnya dihargai. Jika diberi pilihan beliau mungkin mahu berada di negaranya menghadapi rakyat. Meskipun ramai berpendapat bahawa kehadirannya di Kaherah untuk menunjukkan beliau masih berkuasa dan kuat walaupun tidak berada di negaranya, mungkin itu andaian politik.

Hakikatnya, beliau menghadapi tekanan berpunca daripada keadaan ekonomi yang tidak stabil. Walaupun terpaksa menghadapi tekanan daripada rakyat, beliau tetap memikirkan soal keselamatan negara membangun lain. Jika lebih banyak negara membangun menghadapi masalah yang sama, tentulah mereka terpaksa melupakan kerjasama sesama sendiri. Ini memburukkan lagi keadaan. Mereka bukan saja tidak boleh saling membantu, malah ikatan kerjasama mungkin terurai kerana masing-masing terpaksa menyelesaikan masalah dalam negara secara berasingan.

Sebagaimana dijelaskan oleh Presiden Hosni Mubarak ketika merasmikan sidang kemuncak G15 Isnin lalu bahawa krisis Asia mengingatkan kepada semua terhadap pentingnya pergantungan lebih besar antara satu dengan lain.

Marginalisasi bukan lagi menjadi pilihan. Dunia hari ini bukanlah untuk negara maju menggunakan kuasanya dan bukan negara dunia ketiga untuk menderita. Kalau hendak diulas maksudnya, jika negara membangun tidak mahu diperalatkan oleh negara maju, mereka perlulah bersatu padu. Mereka perlu bertindak secara bersama, bukan secara berasingan kerana hanya bergabung

menunjukkan kekuatan.

Apa yang ketara, kegawatan di Asia adalah pengajaran amat berguna terutama bagi negara yang ekonominya masih teguh dan pertumbuhan ekonomi meningkat. Jika negara kerjasama Selatan-Selatan yang kebanyakannya mengamalkan pasaran terbuka, tidak bersedia mempelajari keadaan di Asia, mereka sebenarnya tidak menjangkakan kesan buruk yang akan mereka hadapi.

Mereka hanya selamat jika tidak mahu memajukan diri dan bersedia membenarkan negara mereka terus miskin. Hanya negara miskin yang mungkin terlepas daripada kegawatan kerana tidak ada pihak yang mahu mengambil kesempatan daripada negara mereka. Negara miskin mungkin tidak mementingkan satu sistem urus mata wang global yang mudah menyalurkan masalah dari satu bahagian ke bahagian lain dunia. Ia mungkin menyelamatkan negara mereka kerana tidak bimbang ada spekulator menekan butang komputer urus niaga wang untuk melemahkan wang mereka. Tetapi, tanpa segala sistem global tidak bermakna negara mereka juga selamat.

Kemiskinan tidak bermakna mereka bebas daripada segala masalah. Kemiskinan boleh menyebabkan kestabilan politik tergugat, pengangguran yang tinggi dan implikasi sosial lain yang lebih buruk.

Sebagai negara yang menerima pembangunan dan kemajuan, sudah tentunya mahu mengejar kemajuan. Di samping kita boleh membenarkan sistem kewangan berjalan lancar, kita mahukan peraturan yang lebih tersusun. Mengapa harus diletakkan negara membangun dalam dilema antara mengejar kemajuan dan kemiskinan. Semua negara mahukan kemajuan tetapi bebas daripada segala perbuatan yang tidak sihat, manipulasi pasaran yang rakus dan negara maju serta institusi kewangan yang mengambil kesempatan.

Apakah G15 begitu penting dan bertaring? Ia hanya penting jika negara anggota mempunyai keyakinan untuk bergerak sebagai sebuah pertubuhan yang kuat. Mereka perlu bersuara menerusi satu suara negara Selatan. Suara G15 mesti menggegarkan dan dihormati. Untuk itu, struktur pertukaran maklumat, dasar kewangan, pengaliran modal, perdagangan yang lebih besar, pelaburan dan sebahagianya mestilah menjadi inti kerjasama.

Satu perkembangan baru yang mungkin menarik ialah cadangan G15 mengadakan dialog dengan negara Kumpulan 8 (G8). Jika cadangan itu diterima, kita berharap ia dapat mengubah persepsi negara maju terhadap masa depan negara membangun.

(END)